

OPS ROBOH

KENYATAAN AKHBAR

Tindakan sebuah pusat kitar semula mengambil jalan mudah membuang sampah ke dalam Sungai Klang di PJS 4 dekat sini membawa padah apabila premis itu dikenakan tindakan roboh dekat sini.

Tindakan itu diambil berikutan siasatan yang dibuat sejak Jun lalu turut mendapati premis terbabit beroperasi secara haram di atas rezab sungai.

Pegawai Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor (Luas) Shahrin Nordin berkata perbuatan tidak bertanggungjawab premis terbabit memaksa tindakan tegas diambil bagi mengelak sampah sarap berterusan dibuang ke dalam sungai hingga menyebabkan pencemaran teruk.

Menurutnya dua notis berpindah telah dikeluarkan sebelum ini tidak diendahkan memaksa operasi meroboh premis dengan bantuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dilaksanakan.

“Kami mempunyai rakaman video yang membuktikan pusat kitar semula itu menghamburkan sampah yang tidak diperlukan selepas proses pengasingan ke dalam longkang yang dialirkan terus ke sungai dan keadaan ini pernah menyebabkan sampah yang terkumpul banyak merosakkan sebuah perangkap sampah di Shah Alam,”katanya ketika ditemui dekat sini.

Jelasnya lebih 6 tan sampah sarap dibawa keluar dari kawasan tersebut berikutan pemilik premis terbabit enggan memindahkan sampah seperti yang diarahkan pihak Luas sebelum ini.

Tindakan diambil dibawah Seksyen 70(1) dan 79 (1) Enakmen Luas 1999 membina struktur dan membuang sampah ke dalam sungai yang boleh didenda maksimum RM 100,000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun.

Operasi selama tiga jam itu turut disertai oleh polis, Jabatan Pengairan Saliran dan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Tambahnya lagi,Luas turut menerima aduan daripada penduduk yang tidak tahan melihat banyak sampah terapung beberapa meter dari kawasan pusat kitar semula itu.

Dalam perkembangan lain, Operasi Zon Bersih MBPJ di kawasan Dataran Sunway, Kota Damansara hari yang sama menyaksikan 7 buah restoran dikenakan tegas selepas membina struktur haram di atas jalan raya.

Jabatan Kesihatan MBPJ turut mengeluarkan 3 kompaun dan mengeluarkan notis tutup kepada sebuah restoran kerana kotor manakala Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan mengeluarkan 108 saman lalulintas dikeluarkan selain 17 kenderaan ditunda kerana menghalang jalan

Disediakan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my